




PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN 4/2020





TANGGUNGJAWAB KOMUNITI **"KITA JAGA KITA"**

Seluruh dunia pada ketika ini sedang berdepan dengan pandemik Covid 19. Oleh itu, komuniti memainkan peranan yang penting dalam menangani penyebaran Covid 19. Komuniti perlu mengambil mengamalkan sikap ambil tahu dan melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) dengan lebih serius dan bertanggungjawab. Masyarakat haruslah tidak mempunyai sikap penting diri sendiri dalam melakukan aktiviti harian.

Peranan Komuniti

Komuniti perlu mengambil berat dalam penjagaan kebersihan diri. Hal ini merupakan salah satu langkah untuk memutuskan rantai Covid 19. Kementerian Kesihatan Malaysia telah berkongsi maklumat tentang langkah menjaga kebersihan diri iaitu 3W.

Apa itu 3W?

3W ialah *Wash* (Cuci), *Wear* (Pakai) dan *Warn* (Amaran). Masyarakat harus kerap *Wash* (cuci) tangan dengan air dan sabun bagi memastikan tangan sentiasa bersih sebelum menyentuh bahagian muka. *Wear* (pakai) penutup mulut dan hidung jika bergejala bagi mengelak penyebaran virus. *Warn* (Amaran) kepada masyarakat untuk tidak bersalaman atau bersentuhan antara satu sama lain, selalu mengamalkan etika batuk dan bersin, melakukan disinfeksi, duduk rumah pada yang tidak ada kepentingan di luar, dan sila dapatkan rawatan segera jika bergejala.



PROGRAM DAN AKTIVITI



<https://twitter.com/compdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabat.sabakbernam>



<http://www2.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



BULAN

OKTOBER 2020



PROGRAM "COMMUNITY SOCIAL AND RESPONSIBILITY" (CSR) AKRAB 2020

1 OKTOBER 2020



Program ini berlangsung selama 1 hari bertempat di Kampung Orang Asli Genting Peras, Hulu Langat. Program ini disertai oleh empat orang ahli AKRAB PDTSB. Antara aktiviti yang dijalankan adalah memberi taklimat dan beramah mesra bersama-sama penduduk orang asli.

LATIHAN KEPADA PEMBANCI BERKAITAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA


1 HINGGA 3 OKTOBER 2020



Program ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai proses sepanjang berlangsungnya pembancian kepada pembanci. Program ini berlangsung di Dewan Tun Razak Sabak Bernam. Program ini berlangsung selama tiga hari yang melibatkan pembanci dan penyelia.

KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN BERSAMA ANJURAN AKRAB PDTSB

7 HINGGA 8 OKTOBER 2020



Program ini berlangsung di Bilik Mesyuarat Cempaka. Program ini Anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dengan kerjasama Unit Latihan PDTSB. Program dihadiri oleh pengawai daripada bahagian/unit PDTSB dan AKRAB PDTSB. Pengurusan kewangan yang efektif dan betul adalah merupakan tujuan program.

PROGRAM "INFO ON WHEELS (IOW)" KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU DAERAH SABAK BERNAM

11 OKTOBER 2020



Program ini disertai oleh wakil PDTSB untuk melawat ke tempat-tempat awam bagi memastikan semua penjual dan orang awam mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan tentang aspek kebersihan. Antara kawasan yang dilawati adalah kawasan pasar basah dan gerai-gerai yang menjual makanan di Sungai Besar.



PROGRAM PENUAIAN AIR HUJAN DAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN DENGGI

13 OKTOBER 2020



Program ini berlangsung di perkarangan Balai Raya Kampung Panchang Bedena Daerah Sabak Bernam. Program ini anjuran Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna bersama PDTSB. Program ini dimulai dengan taklimat daripada beberapa orang penceramah.

MAJLIS JASAMU DIKENANG

13 OKTOBER 2020



Semua pegawai dan kakitangan di Unit Tanah terlibat dalam program ini yang berlangsung di perkarangan Bilik Bunga Raya. Program ini adalah untuk meraikan Ketua Penolong Pegawai Daerah Encik Zain Azmi Bin Mohd Nor atas penanggungungan kerja di Bahagian Pengurusan Tanah. Setiap unit di Bahagian Pengurusan Tanah memberi penghargaan kepada Encik Zain atas jasa beliau sepanjang penanggungungan kerja di Bahagian Pengurusan Tanah.

BULAN

NOVEMBER 2020



SESI PERBINCANGAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

17 NOVEMBER 2020



Antara agenda yang berlangsung dalam perbincangan ini adalah berkaitan dengan e-Kuarters, Garis Panduan Tatacara Perbelanjaan Berhemah, Garis Panduan Perolehan Aset, Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Perbincangan ini bertempat Bilik Mesyuarat Cempaka, PDTSB.

HARI KUALITI SECARA ONLINE PDTSB

18 NOVEMBER 2020



Program telah dihadiri oleh 20 orang sahaja melalui paparan secara online di Unit/Bahagian masing-masing. Penyerahan anugerah disampaikan oleh Pegawai Daerah, Tuan Nasir Bin Mamat. Antara penyerahan anugerah yang disampaikan adalah Program Inovasi, Audit Dalam Eksa oleh Institut Perakaunan Negara, Program Kitar Semula dan Program Mentor Mentee.

**SESI PENUTUPAN PROGRAM PEMENTORAN PDTSB
TAHUN 2020
18 NOVEMBER 2020**



Sesi Penutupan Program ini dijalankan serentak bersama-sama Majlis Hari Kualiti Secara Online. Majlis ini bertujuan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara profesional yang diberikan oleh mentor kepada mentee bertujuan meningkatkan pembangunan dan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baru dan dinaikkan pangkat.

PROGRAM PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

27 NOVEMBER 2020



PDTSB ini menerima kunjungan daripada Majlis Keselamatan Negeri Selangor (MKN). Kunjungan ini adalah untuk meninjau Dataran Patriotik PDTSB serta merasmikan program pembudayaan norma baharu putus rantai Covid-19. Kunjungan ini disambut oleh Pegawai Daerah Tuan Nasir Bin Mamat.

BULAN DISEMBER 2020



SESI PERBINCANGAN PENGENALAN PROJEK KIK BAGI TAHUN 2020

7 DISEMBER 2020



Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) mendengar taklimat berkenaan fasa-fasa penghasilan projek bersama penceramah Encik Abd Khalim bin Haron. KIK ini diketuai oleh Puan Nordiyana Binti Abdul Rani Penolong Pegawai Daerah, Unit Pendaftaran Geran. KIK juga membentangkan projek yang dijalankan dan mengalukan pendapat dan cadangan daripada penceramah.

MAJLIS PERSARAAN JASAMU DIKENANG PEGAWAI DAERAH TUAN NASIR BIN MAMAT

18 DISEMBER 2020



Majlis perpisahan ini adalah untuk meraikan Pegawai Daerah Tuan Nasir Bin Mamat, Cik Puteri Elia Elina Bt Izahar Shah dan Puan Hasiah Binti Said. Majlis ini Dimulakan dengan ucapan daripada Tuan Pegawai Daerah, seterusnya penyampaian hadiah dari setiap unit/bahagian kepada yang dirai.

HARI TERAKHIR THUMBPRINT PEGAWAI DAERAH TUAN NASIR BIN MAMAT

24 DISEMBER 2020



Tuan Nasir Bin Mamat memberi ucapan sebelum thumbprint terakhir. Semua pegawai dan kakitangan mengiringi Tuan Pegawai Daerah ke Dataran Patriotik untuk penghormatan terakhir daripada Unit Teknikal & Penguatkuasaan yang diketuai oleh Encik Ishak Bin Mat Hazir. Tuan Pegawai Daerah menerima tabik hormat oleh semua anggota Teknikal & Penguatkuasaan sebelum beliau berangkat pulang.



JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA

**TUAN NASIR BIN MAMAT, S.I.S, K.M.W, A.M.N
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD
ENCIK MUHAMMAD REDZUANN BIN ANUAR
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL
PUAN NORDIYANA BINTI ABDUL RANI
PUAN LAMISAH BINTI MOHD BIBET
MOHD HISHAMMUDDIN BIN HAJI JAAFAR
ENCIK HAIZUDDIN BIN KASRAN**

DAN

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK
YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN
BULETIN PDTSB BIL.04/2020
(OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020)**

